

Ye Kung: Lagi \$140j diperuntuk bagi pusat penuaan aktif

la tambahan kepada \$800j yang diumum pemerintah bagi program, perkhidmatan bagi warga emas

► NUR SYUHRAH HASSAN
nsyuhrah@ph.com.sg

Pemerintah akan memperuntuk dana tambahan \$140j untuk mempertingkat dan memperluas lebih 100 pusat penuaan aktif (AAC) di sini dari 2025 hingga 2027.

Suntikan dana tambahan yang diumumkan Menteri Kesehatan, Encik Ong Ye Kung, pada 12 Oktober itu adalah di samping dana sebanyak \$800juta yang diumumkan pemerintah sebelum ini untuk membantu pelbagai program dan perkhidmatan AAC bagi warga emas dari 2024 hingga 2028.

AAC biasanya ditemparkan di kolong blok HDB untuk mendekati warga emas menerusi kegiatan sosial dan riadah, serta menawarkan khidmat rujukan bagi penjagaan dan pendampingan buat mereka.


Pengumuman suntikan dana tambahan buat AAC itu merupakan antara inisiatif baru yang bertujuan memperkuatkan usaha Sihat Mewah SG atau 'Age Well SG' yang diumumkan Encik Ong semasa berpacu di sambutan ulang tahun ke-10 Pejabat Generasi Warga Emas (SGO) pada 12 Oktober 2024 di Pusat Konvensyen dan Pameran Suntec. – Foto ST

SGO merupakan sebahagian Agensi Penjagaan Berspadu (AIC) bagi perekutan relawan dan usaha dekati warga emas.

Sihat Mewah SG merupakan program nasional untuk membantu warga emas meniti usia senja dengan baik dalam masyarakat.

Semasa Belanjawan 2024, pemerintah mengumumkan untuk memperuntuk \$3.5 bilion bagi usaha ini sepanjang 10 tahun atau datang.

Encik Ong turut mengumumkan bahawa khidmat Penjagaan Peribadi Di Rumah Yang Dipertingkat (HPC+) akan diperkenal ke seluruh Singapura menjelang akhir (2025),” kata



Encik Ong Ye Kung, Menteri Kesehatan, mengumumkan bahawa lagi \$140 juta akan diperuntuk untuk mempertingkat dan memperluas pusat penuaan aktif (AAC) di Singapura semasa ucapannya di sambutan ulang tahun ke-10 Pejabat Generasi Warga Emas (SGO) pada 12 Oktober 2024 di Pusat Konvensyen dan Pameran Suntec. – Foto ST

kuh sokongan penjagaan dalam masyarakat.

Di bawah khidmat ini, warga emas antara lain boleh dapatkan perkhidmatan untuk menyokong penjagaan mereka dalam masyarakat seperti untuk bantu mereka mandi dan buat kerja rumah.

Khidmat itu juga memangkurni pemantauan 24 jam menggunakan teknologi dan elemen respon untuk mengejar kalau ada kejadian warga emas itu jatuh atau kejadian lain dan ini dapat memastikan warga emas itu boleh menerima penjagaan tepat pada masanya apabila diperlukan.

“Model ini telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan Kementerian Kesehatan (MOH) merancang melaksana perkhidmatan ini di seluruh negara menjelang akhir (2025),” kata

Encik Ong.

Acara sambutan ulang tahun SGO itu dihadiri sekitar 3,000 Duta Generasi Warga Emas (SGA).

Di acara itu juga, beberapa SGA diiktiraf bagi sumbangan mereka dengan Anugerah Teladan SGA mewuri kategori Platinum, Emas, Perak dan Gangsa, mengiktiraf jumlah tahun mereka berkhidmat mengikut unitan 10, lima, tiga dan dua tahun.

Antara dua SGA yang telah menerima Anugerah Platinum adalah Cik Renang Begum Yusus, 58 tahun, dan Cik Zainab Saini, 59 tahun.

Mereka berdua bermula menjadi relawan di rangkaian pendukung masing-masing sebelum menyertai SGO pada 2014.

“Saya tabik dengan pengumuman baru ini ker-

ana ia bermakna lebih banyak bantuan akan dihulurkan kepada warga emas.

“Masih ramai yang tidak tahu mengenai per tolongan yang sedia ada dan peranan saya sebagai relawan SGA adalah penting membantui,” kata Cik Begum, relawan SGA dari kawasan Marsiling.

Bagi Cik Zainab, relawan SGA dari Tampines Changkat, pula, beliau berkata:

“Selama 10 tahun ini, saya melihat banyak perubahan yang baik. Ini dapat membantu jumlah warga emas yang semakin meningkat di Singapura, termasuk diri saya sendiri.

“Saya harap lebih ramai orang muda dapat tampil menjadi relawan SGA sebagai pelapis relawan sekarang.”